

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 37 RABU 10 SEPT., 1969 1389 رابو 27 جمادى الاخير PERCHUMA

Pengarah DBP rasmikan rumah PKPB



Gambar atas menunjukkan, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja sedang melakukan pembukaan rasmi rumah persatuan tersebut. Rumah persatuan itu telah di-bina dengan chara bergotong ruyong dan memakan perbelanjaan kira2 \$700.00. Di-sabelah kanan ialah Yang Di-Pertua Persatuan, Awang Sulaiman Haji Wahab dan di-kiri ia-lah Setia Usaha Agong Persatuan, Ak. Yusof bin Pengiran Anak Hashim.

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri telah merasmikan pembukaan rumah Persatuan dan Mashuarat Agong kali yang ke-tiga Persatuan Kampong Pandai Besi pada hari Jumaat lepas.

Sa-belum melakukan pembukaan rasmi itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja telah menyeru belia2 di-tanah ayer supaya bekerjasama dengan Kerajaan dalam berbagai2 bidang yang di-perlukan.

Beliau juga menasihatkan belia2 supaya jangan mudah terpengaruh oleh anasir2 yang tidak di-ingini yang akan mencheruboh kegiatan2 persatuan2 belia tanah ayer.

Di-antara yang memberikan ucapan di-majlis itu termasuklah Yang Di - Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dan Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

(Lihat Muka 8)

MENCHARI KAWASAN MINYAK YANG BARU

SERIA. — Usaha2 untuk mendapatkan kawasan2 yang di-perchayai mengeluarkan minyak sedang giat di-jalankan dengan harapan bahawa penghasilan minyak di-Brunei semakin bertambah.

Akhbar Salam yang di-terbitkan oleh sharikat2 minyak shell di-Borneo menyatakan bahawa rombongan seismik telah pun memulakan suatu pengkajian di-Pinggir Selatan Kawasan Seria.

“Pengkukuran ini akan berjalan sa-lama beberapa bulan dan ada-lah di-harapkan semoga hasil-nya kelak akan membawa kepada penemuan kumpulan minyak tambahan dalam Negeri Brunei”, kata akhbar tersebut.

Sa-bahagian dari pengkajian itu akan di-jalankan dalam kawasan yang ramai penduduknya di-sekeliling Seria.

Untuk melichinkan kerja2 pengukuran, maka akhbar Salam menyeru orang ramai di-kawasan2 yang terlibat supaya memberi kerjasama kepada anggota2 rombongan seismik itu dalam perkara2 yang bersangkutan.

Akhbar itu juga menyatakan bahawa rombongan seismik Prakla telah balek kapada kerja2 menjalankan ukuran seismik di-darat sa-telah berjaya menyelesaikan pengukuran di-kawasan2 yang di-katakan akhbar itu sa-bagai kawasan dangkal.

Akhbar itu berkata, alat2 seismik yang pernah di-pakai beberapa tahun dalam kawasan Barat Daya Borneo akan di-ganti dengan yang baru demi untuk mendapatkan hasil yang lebih baik.

“Sa-buah alat seismik yang paling baru yang boleh di-dapati dalam pasaran hari ini telah pun di-datangkan ka-Seria”, tegas akhbar itu.

16 orang penuntut lanjutkan pelajaran di-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. — Saramai 16 orang penuntut dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lepas untuk meneruskan pengajian pra-universiti bagi peperiksaan peringkat ‘A’ sa-belum masuk ka-universiti.

Mereka ia-lah Awang Ibrahim bin Mat Yassin, Awang Abdul Wahab bin Junid, Sahari bin Daud, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Awangku Metussin bin Pengiran Haji Metassan, Abas bin

Haji Serudin, Mohammad bin Kunchol, Malai Hashim bin Malai Othman, Awang Nayan bin Haji Nordin, Awangku Sharifuddin bin Pengiran Yusof, Dayangku Nooraini binte Pengiran Dato Paduka Momin, Ak. Bakar bin Pengiran Haji Ismail, Dayangku Mariam bte Pengiran Matarsat, Dayangku Fatimah binte Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin dan Mohammad Yusof bin Mohammad Hassan.

Penuntut2 tersebut melanjutkan pelajaran atas biasiswa kerajaan.

Amaran kpd. pelaut2 yang menggunakan aloran

Pelabohan Muara

perdalamkan dan belum lagi di-buka untuk perjalanan kapal.

Perjalanan menerusi aloran itu ada-lah tersekat oleh beberapa jentera yang bertugas di-situ dan juga dawai2 yang ber-

bersambong2 di-dalam ayer. Barang2 ini ada-lah menjadi bahaya kapada semua kapal2 yang belayar menerusi aloran tersebut.

Awang Faraker berkata, pelayaran menerusi aloran itu hanya di-benarkan kapada kapal2 kerajaan dan pemborong2 yang bertugas di-situ.



BANDAR BRUNEI.—Dua orang perwakilan dari Majlis Belia2 Negeri Brunei telah pulang ka-tanah ayer hari Juma'at lepas sa-telah menghadiri persidangan Belia. Sa-Dunia di-Liege, Belgium.

Mereka ia-lah Awang Yacob bin Ahmad, Setia-Usaha Agong M.B.B. dan Awang Yahya bin Mohd. Yusof, sa-orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi M.B.B.

Kedua2 mereka telah

menghadhiri sidang sa-lama 11 hari itu yang membincangkan kertas kerja bertajuk 'BELIA DALAM PERGERAKAN' yang mengandungi lima seksi.

Mereka juga mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pentadbiran, kemajuan belia luar bandar, surohanjaya pekerja2 tenaga muda dan hak asasi manusia.

Sa-masa menghadiri sidang itu mereka juga diundang ka-perayaan ulang

tahun ke-20 tertuboh-nya Belia Sa-Dunia di-Brussel.

Awang Jaya bin Abd. Latif, Naib Yang Di-Pertua M.B.B. juga sempat menghadiri sa-lama empat hari sidang Belia Sa-Dunia itu sa-telah menghadiri sidang pemimpin2 Belia Sa-Asia di-German Barat.

Gambar atas menunjukkan tiga orang wakil Brunei dalam sidang itu (barisan depan) dari kiri Awang Yahya bin Md. Yusof, Awang Yacob dan Awang Jaya.

Perkembangan Daerah Temburong tidak di-bedza2kan — Pmk. D. O.

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Salleh bin Hidup berkata kerajaan tidak sedikit pun berniat untuk membedza2kan perkembangan di-Daerah Temburong dengan daerah2 lain di-negeri ini.

Berucap ketika mempen-gerusikan persidangan Majlis Mashuarat Daerah pada minggu lalu, Awang Salleh berkata, perkara ini dapat kita buktikan dengan nyata daripada usaha2 dan kegiatan2 yang sedang dan akan di-jalankan oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk daerah ini.

Awang Salleh menegaskan kerajaan telah banyak membelanjakan wang bagi perkembangan di-Daerah Temburong seperti membina masjid, jalan2 raya dan kerajaan telah pun membuka chawangan Sekolah Inggeris pada dua tahun yang lalu.

Pemangku Pegawai Daerah itu sa-lanjut-nya berkata, Jabatan Pertanian sedang mengkaji satu kawasan persawahan yang sesuai yang mana akan di-usahakan oleh ahli2 Persatuan Peladang di-Daerah Temburong.

"Ranchangan ini sudah tentu akan menambahkan lagi permaknaan dan kebahagiaan penduduk2 di-Daerah Temburong", tegas beliau.

Beliau juga menyeru kepada penduduk2 di-daerah itu supaya memberikan kerjasama mereka kepada kerajaan, Polis Di-Raja dan Askar Melayu Di-Raja untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman Daerah Temburong dan Negeri Brunei keseluruhannya.

"Dengan ada-nya kerjasama dan kesedaran2 ini maka sudah tentu kemakmoran dan kebahagiaan akan dapat dinikmati seperti yang telah dinikmati pada masa ini", tegas Awang Mohd. Salleh.

Dalam persidangan pada hari itu tiada usul yang di-ke-mukakan oleh ahli2 majlis tersebut.

Anggota Polis meninjau ka-Ibu Pejabat Bomba

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan 33 orang anggota Polis Di-Raja Brunei yang sekarang ini sedang menjalani kursus ulang kaji di-Pusat Latihan Polis di-Berakas telah mengadakan lawatan ka-Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Bandar Brunei pada minggu lepas.

Lawatan tersebut ia-lah untuk memberikan anggota2 polis itu meninjau kegiatan2 yang di-jalankan oleh ahli2 pasokan bomba.

Ketika berada di-ibu pejabat itu, pelawat2 itu telah di-beri penerangan mengenai kegiatan2 bomba termasuk chara2 melawan kebakaran.

Mereka juga berpeluang menyaksikan pertunjukkan chara2 menyelamatkan orang2 dalam keheemasan dari bangunan tinggi dengan menggunakan alat2 tangga berlipat.

Rombongan anggota2 polis itu telah di-ketuai oleh Sgt. Ak. Zainal bin Pengiran Ahmad, sa-orang jurulatih di-pusat latihan itu.



Rombongan polis itu sedang di-beri penerangan mengenai dengan alat pemadam api.

Lagi sa-orang penuntut lulus kejuruteraan

BANDAR BRUNEI. — Awang Nordin bin Mohamed Yusof, telah kembali dari United Kingdom setelah berjaya menamatkan pengajiannya di-sana.

Beliau telah lulus dalam kejuruteraan civil dengan mendapat ijazah Sarjana Muda

Sains di-Woolwich Polytechnic bagi Universiti London.

Pegawai Biasiswa Jabatan Pelajaran, Awang Hamdani bin Haji Abdul Rahman, berkata, Awang Nordin, telah di-beri Biasiswa Commonwealth, dari tahun 1965 hingga 1968, dan dalam tahun 1969, beliau

telah di-beri Biasiswa Kerajaan.

Awang Nordin telah pergi ka-United Kingdom dalam tahun 1965, sa-telah lulus pereksaan Sijil Pelajaran Tinggi dalam tahun 1964.

Beliau ia-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

ARAK DAN JUDI MENIMBULKAN AKIBAT2 YANG AMAT BUROK

ALLAH subhanahu-wata'ala telah memberi ingat kepada kita orang2 yang beriman berkenaan dengan arak dan judi sa-bagaimana tersebut di-dalam surat Al-Ma'edah ayat 90 dan 91 yang berarti:

"Wahai orang2 yang beriman; sa-sungguh-nya arak, judi, berhala dan meninggok nasib itu ada-lah perbuatan yang keji dan chemar ia-itu dari pekerjaan shaitan, maka hendak-lah kamu menjauhkan akan dia, semoga kamu beroleh kebahagiaan, sa-sungguh-nya shaitan itu hendak menjatuhkan kamu ka-dalam permusohan dan kemarahan di-antara kamu dengan sebab arak dan judi dan dia hendak menghalang kamu daripada mengingat Allah dan dari mengerjakan s e m b a h yang, maka tidak-kah kamu mahu mengingatkan-nya".

Berdasarkan ayat Al-Koran tadi bahawa arak, judi, berhala dan melihat nasib ada-lah galakkan daripada shaitan dan perkara2 itu ada-lah keji, akibat-nya sangat burok sama ada terhadap diri-nya sendiri atau masharakat-nya.

Tidak-lah siapa2 dapat menyangka bahawa keselamatan dan kebahagiaan sa-seorang itu ada-lah bergantung kepada akal-nya yang sehat lagi siuman, kerana akal yang sehat itu dapat menjamin fikiran dengan betul dan melahirkan sifat2 yang baik adap sopan yang suchi, sa-balek-nya dari akal yang lemah dan sentiasa terancham itu akan menerbitkan sifat2 yang burok dan perangai2 yang membawa bahaya kepada diri sendiri dan juga orang lain. Sa-bagaimana pendapat ahli perubatan pula telah sa-pakat mengakui akan akibat-nya itu yang akan menjadikan satu penyakit kepada peminum2-nya, maka dengan alasan2 ini nyata-lah bahawa arak tidak mendatangkan faedah kepada diri manusia sa-bagaimana yang di-agong2kan oleh peminum2-nya.

Judi pula ada-lah satu jalan untuk mendapatkan wang atau benda2 dengan mudah dan dengan chara2 yang tertentu. Tidak-lah siapa2 yang mengingkari bahawa tiap2 orang itu mahukan kaya atau senang, atau dengan perkataan lain "tiap2 sa-orang berkehendakan sedikit tenaga banyak ulih" sedikit modal beruntung berlebeh2an dalam masa yang

KHUTBAH JUMA'AT

**"Bahawa arak tidak
mendatangkan faedah kepada
diri manusia sa-bagaimana
yang di-agong2kan
oleh peminum2-nya**

sengkat, sa-balek-nya berapa orangkah dari pejudi2 itu menerima untong atau harta yang berganda2 itu, jika dibandingkan dengan orang yang memberi dengan harapan kosong, dengan perkataan lain berapa kalikah sa-lama ia berjudi telah menang dan berapa kali pula ia kalah. Sekali pun begitu ingatan dan kemahuan pejudi2 tetap akan mahu berjudi, tidak takut berutang, bergadai, kadang2 menipu dan menchuri kerana untuk di-buat modal berjudi.

Apakah sebab2-nya ketageh itu sangat2 mendalam? — kerana mereka mahu senang dengan sedikit kerja, sedikit modal dalam masa yang sengkat yang di-hasut dan di-durong oleh shaitan, sekalipun ia telah mengetahui akan akibat-nya sa-bagaimana juga-lah orang2 peminum mereka menyangka dan bermegah2 dengan perbuatan jahiliah yang di-sangka-nya moden dan minuman

yang merbahaya itu di-anggap sehat dan munafaat.

Dari itu hendak-lah kita jauhkan dari perangai2 dan pekerjaan shaitan yang dinyatakan oleh Allah itu,



moga2 kita sentiasa terpelihara oleh Allah subhanahu-wata'ala dan menjauhkan kita dari timbul-nya permusohan2 di-antara umat2 Islam yang akan melemahkan orang Islam sendiri dari Umat2 manusia lain.

248 TEMPAT DI-UNTOKKAN BAGI BAKAL2 HAJI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Urusan Haji Malaysia telah menguntokkan 248 tempat dalam kapal Anshun bagi bakal2 Haji Brunei, yang akan ka-Mekkah tahun hadapan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berkata, setakat ini 288 orang telah mendaftarkan nama untuk pergi dengan kapal laut, dan mereka yang di-tolak kerana tidak mencukupi tempat dalam kapal itu, boleh-lah mendaftarkan nama untuk pergi dengan kapal terbang.

Tambang kapal terbang pergi dan balek ka-Arab Saudi terbahagi kepada dua ia-itu bahagian A dan B. Tambang dalam bahagian A, tiap2 sa-orang dewasa dan mereka yang berumur 12 tahun katatas ia-lah \$1,680.00, dan kanak2 berumur ka-bawah 12 tahun \$1,180.00 Tambang ini termasuk \$82.00 kerana chukai Arab Saudi, chukai lapangan terbang, bayaran hotel, semasa berada di-Singapura selama dua malam dan bayaran pengangkutan sekembali mereka dari lapangan terbang ke-hotel.

Bayaran dalam bahagian B, tiap2 sa-orang dewasa \$1,500.00 dan kanak2 12 tahun ka-bawah \$1,000.00, ini tidak termasuk chukai Arab Saudi yang \$82.00 dan chukai lapangan terbang, tetapi termasuk kerana singah satu malam di-Singapura sekembali dari menunaikan haji.

Tarikh pelayaran dengan kapal terbang belum lagi ditetapkan, sementara mereka yang pergi dengan kapal laut akan bertolak ka-Jeddah melalui Labuan pada 13 Disember. Jemah2 Haji itu akan pulang dengan kapal yang sama ka-Brunei, meninggalkan Jeddah pada 26 Februari 1970 dan di-jangka tiba pada atau kira2 16 March.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara. Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 Sept., 1969 hingga ka-hari Selesa 16 Sept., 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
10 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12
11 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-40	4-39	4-54	6-11
12 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-40	4-39	4-54	6-11
13 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-40	4-39	4-54	6-11
14 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-40	4-39	4-54	6-11
15 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-40	4-39	4-54	6-11
16 Sept.	12-21	3-37	6-26	7-39	4-39	4-54	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



10 Sept., 1969

HORMATI PERATURAN

MENGHORMATI sa - suatu peraturan baik yang dibuat oleh kumpulan2 apa lagi yang di-ujudkan oleh Kerajaan ada-lah satu chara yang amat baik di-samping mendapat faedah2 yang berguna di-kalangan orang2 yang terlibat dengan peraturan2 itu.

Kerap kali berlaku nasib malang ka-atas orang2 yang ingkar atau melanggar peraturan yang di-kenakan ka-atas-nya. Ini menyebabkan timbul-nya kelohan2 yang sudah tidak berguna lagi.

Masaalah timbul-nya semang-at yang tidak berguna dengan melakukan perkara2 yang ditegah atau tidak di-kehendaki itu sering berlaku di-sebabkan oleh tekanan jiwa dan pandangan2 yang kabor yang akhir-nya mengujudkan satu sikap tidak peduli. Sikap tidak peduli ini amat merbahaya bukan saja pada diri sendiri bahkan juga terhadap suasana keliling. Dari sikap tidak peduli ini juga boleh membawa sa-saorang itu kepada melakukan tindakan2 yang kurang tegoh asas pijakan-nya dan berlaku-lah chakap yang berderai2 tanpa matalamat yang khusus.

Dalam suasana negara yang sedang membangun sekarang ini, maka sikap yang sa-um-pama itu tidak nampak membawa faedah2 yang di-perlukan kerana ia-nya boleh mempengaruhi suasana keliling dimana pembangunan itu terasa "lakat" perjalanan-nya.

Dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang lalu timbul satu masaalah tentang orang2 yang menduduki tanah Kerajaan tanpa kebenaran yang letak-nya di-sabalah Selatan Kampong Anggerek Desa.

Mengenai orang2 ini, Kerajaan memang boleh melakukan tindakan ka-atas mereka itu kerana mereka ternyata telah melanggar peraturan2 yang saharus-nya di-patohi terlebih dahulu dengan mengemukakan permohonan rasmi untuk minta kebenaran, tetapi dalam perkara ini Kerajaan tidak-lah melakukan dengan sa-wenang2-nya.

Pendudukan tanpa kebenaran ini ada-lah satu langkah yang sama sekali tidak mendatangkan faedah sa-lain daripada bakal menerima padah di-ke-mudian hari. Penduduk2 di-atas tanah kerjaan itu harus memikirkan dengan semasak2-nya atas langkah2 yang mereka buat dan jika mereka dapat memastikan yang perbuatan mereka itu telah melanggar undang2, maka ada-lah satu langkah yang baik untuk mereka melaporkan dengan sa-chara jujur akan sebab2 mereka menduduki tanah2 kerajaan itu.

Orang2 yang menduduki tanah kerajaan itu jika pada mula-nya bersebab dari satu2 sumber yang tertentu, maka harus-lah mereka menyelidiki sedalam2-nya tentang perangkan kuasa sumber itu. Jika sumber itu ternyata kurang pasti, maka ia-nya harus di-selidiki kepada pehak2 yang berkenaan. Chara bagini ada-lah chara yang ter-selamat bagi mereka dari an-chaman2 orang2 yang memen-tingkan diri sendiri.

NOBEL, NOBELIS, DAN PEMINAT NOBEL,

"NOBEL, Nobelis, dan Peminat Nobel" — ada-lah tajok perbincangan kita dalam ruangan pelajar kali ini dan dua minggu dari se-karang.

Dalam ta'arif yang sa-simpul2-nya, sastera atau ke-susteraan ada-lah chatitan ka-seluruhan hidup manusia, dalam jangka lingkaran hidup manusia, dari ayunan hingga ka-liang lahat: sa-bagaimana di-katakan oleh sa-orang pakar usia, ia-itu dalam istilah Inggeris "gerontologist", ke-sah2 yang berkisar dalam ke-hidupan sa-seorang itu masa ia dalam kandungan, masa ia di-lahirkan, masa ia muda, masa ia remaja, masa ia dewasa, masa ia tua, dan masa ia mati dan sa-bagai-nya. Dalam kata lain, sastera itu tidak lain daripada kritik hidup: suatu taf-siran hidup selagi hidup itu membentuk diri-nya di-dalam fikiran sa-saorang pakar-bahasa ataupun sastera, ada-kah dia-nya sa-orang poetis, cherpenis, nobelis atau dra-matis.

Oleh kerana "nobel" yang di-karang oleh sa-orang "No-belis" dan yang di-minati oleh para-pembacha nobel, ada-lah sa-bahagian daripada sastera, maka ia-nya juga berma'ana suatu kritik hidup. Sa-bagai-mana kata H. B. Jassin, "No-bel ada-lah lahiran dalam bentuk perosa (karangan nathar) yang menceritakan sa-suatu kejadian yang luar biasa dari orang2 yang luar biasa, dan dari kejadian itu lahir-nya satu konflik (pertentangan), satu pertikaian yang menentukan nasib atau jurusan nasib mereka." Kenyataan ini dapat kita lihat pada watak utama dalam che-rita "Satu Ribu Satu Malam", ia-itu Shahrazad yang berjaya menyelamatkan, bukan sahaja diri-nya, tetapi juga kaum wanita lain daripada kezaliman Raja Shahriah, dengan mengesahkan sa-buah demi sa-buah cerita yang masing2 - nya menimbulkan perasaan ternanti2 pada tiap2 akhir cerita-nya yang tak kunjung selesai dan tak kunjung menjemukan Maharaja tersebut, sa-hingga akhir-nya ia membatalkan ranchangan-nya sa-mula, ia-itu membunuh tiap2 wanita yang di-peristeri-kan-nya pada ka-esokan hari sa-telah perkahwinan-nya di-langsungkan.

Nobelis besar atau nobelis2 handalan ada-lah mereka2 yang pakar dalam gaya penulisan-nya, mereka mengetahui bagaimana mengubah dengan gaya yang serba-rapi, mereka dapat mengubah sa-suatu jalan cerita yang terus-menerus akan menghasilkan dan menarik perhatian para-pembacha hingga kepada

OLEH
AWANG RAYMOND PHOA KIM HONG

akhir cerita-nya. Mereka dapat menghidupkan kesah-hidup yang mereka cerita-kan, sa-olah2 benar2 kejadian di-hadapan mata para-pembacha-nya. Mereka dapat menyaksi-kan bahawa kesah yang me-reka gubah ada-lah juga yang para-pembacha alami dalam kehidupan mereka2 sa-hari2. Pendek kata, sa-buah nobel yang baik ada-lah sa-buah lukisan, gambaran daripada beberapa aspek kehidupan manusia; dan bacaan nobel2 yang baik ada-lah memperluas pengetahuan kita dari-hal ke-hidupan dan sifat manusia. Maka dapat-lah juga kita mengambil kesimpulan bahawa membacha nobel2 yang baik ada-lah juga sa-bahagian daripada pendidikan kita. Sa-bagai contoh akan saya bawa sau-dara2 ka - dalam buku "Atheis" gubahan pengarang Achdiat Mihardja dalam tajok perbincangan yang sama, "Nobel, Nobelis dan Peminat Nobel" bahagian kedua dan terakhir, 14 hari dari hari ini.

Sudah barang tentu tidak semua-nya buku2 nobel itu baik: sa - bagaimana kata orang, ada yang benar2 "no-bel" yang berfaedah di-bacha bagi menambah perkembang-an pengalaman sa-seorang; dan ada juga yang hanya 'nobel-nobelan' yang bukan sa-haja gaya bahasa dan susunan cerita-nya burok, bahkan isi-nya pun bertentangan dengan apa yang kita lihat berlaku da-lam kehidupan sa-hari2. Simpul-nya, membacha buku2 nobel yang tidak berfaedah itu hanya-lah 'buang masa' be-laka; sa-chara tidak langsung, ia-nva dapat melumpuhkan keinginan sa-seorang itu dari-pada membacha buku2 nobel yang benar2 bermutu tinggi, yang menyalorkan 'falsafah-hidup' bagi para-pembacha, istimewa bagi mereka2 yang belum berapa lama mengem-hara dalam kehidupan di-atas dunia ini. Namun apa dia cho-

rak buku2 yang laris dalam masharakat moden ini, tidak payah-lah saya sebut-bentang-kan, saudara - saudari sudah tentu lebeh maklum ada-nya!

Kembali kepada istilah 'No-bel', kata itu berasal dari ba-hasa Italia 'Movella' dalam arti cerita panjang, yang menurut pendapat beberapa dari pakar sastera atau pun nobel, harus terdiri daripada lebeh-kurang 30,000 perkata-an; memang dalam dunia no-bel, ada nobel besar, ia-itu cerita-nya panjang; dan ada nobel kecil, ia-itu cerita-nya pendek. Andai kata jumlah kata2 yang saya sebutkan tadi harus menjadi sukatan, yang sudah tentu tidak-lah sa-mesti-nya, maka sa-lain daripada nobel2 "Desa Pingitan" dan "Salina", sangat kecil jumlah buku2 Melayu yang dapat di-katakan nobel bukan?

Bacaan nobel, atau mem-bacha buku2 nobel yang baik itu ada-lah sa-bahagian dari-pada pendidikan sa-seorang, tetapi, harus-lah juga ba-chaan nobel itu di-hadkan ka-pada tempat-nya sendiri; ba-chaan nobel itu hanya-lah sa-jenis hiburan, "rekreasi", pen-gisi masa-lapang, masa-bebas, masa-senggang. Andai kata kita hanya membacha buku2 nobel itu pun ada-lah satu ke-salahan besar; kita harus-lah juga membacha buku2 yang berat, yang serious kata orang asing, umpama-nya buku2 penge-tahuan 'am'dari segi 'ilmu jiwa', 'ilmu masharakat', 'ilmu falsafat', dan sa-bagai-nya. Oleh kerana ter-lalu banyak membacha buku2 nobel, sa-chara tidak langsung dapat melumpuhkan minat sa-seorang daripada membacha buku2 yang isi-nya berat.

Maka nasihat kami kepada para pelajar ia-lah: "Bacha dan nikmati-lah buku2 nobel yang baik, yang mengandungi falsafah-hidup baik, tetapi, sa-kali lagi tetapi, jangan-lah hendak-nya bacaan nobel itu menjadi chandu-madat bagi sau-dara-saudari, sa-hingga semua-nya masa-bebas yang ada sa-mata2 di-gunakan membacha nobel2 belaka! "Bachalah juga buku2 yang walau pun isi-nya berat."

238 orang sertai peraduan2 trengkas dan menaip


BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 238 orang peserta ter-masok wanita akan mengambil bahagian dalam peraduan me-nulis trengkas; menaip dan trengkas seni Gregg kali ketiga anjoran Peratuan Trengkas Melayu Brunei pada 12 Sep-tember, di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Brunei.

Sa-ramai 118 orang akan menyertai peraduan menaip: 56 trengkas dan 64 orang trengkas seni Gregg.

Upacara menyampaikan hadiah2 dan sijil2 akan di-

lakukan oleh Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Brunei pada pagi Isnin, 29 September.

Sementara itu, peserta2 peraduan yang belum mene-rima surat2 yang bersangkut dengan peraduan, hendak-lah hadir sa-belum pukul 8.00 pagi pada hari itu bagi me-nentukan giliran masing2.



Gambar menunjukkan bangunan sekolah Melayu Anggerek Desa yang baru berbentuk moden.

Penyiasatan

penyakit untut di-tiga daerah

BANDAR BRUNEI.—Projek Penghapusan Malaria akan menghantarkan tiga rombongan penyiasat ka-10 buah kampung di-Daerah Tutong, Belait dan Temburong pada bulan ini untuk mengetahui sama ada penduduk2 di-kampung2 tersebut mengidap penyakit untut.

Rombongan kedua akan melawat ka-enam buah kampung di-Daerah Tutong untuk memeriksa 717 orang penduduk di-kawasan itu hingga 15 September ini.

Rombongan kedua akan pergi ka-Daerah Temburong, bagi memeriksa chontoh2 daerah 216 orang penduduk di-tiga buah kampung mulai 8 hingga 15 September.

Rombongan ketiga akan memeriksa chontoh2 daerah 254 orang penduduk dari dua buah kampung di-Daerah Belait pada 16 dan 24 September.

Projek Penghapusan Malaria telah memulakan penyiasatan serupa itu, pada tahun lalu berikutan terdapatnya kejadian penyakit itu di-Daerah Tutong.

Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Y. T. Wu berkata dari masa itu sa-hingga bulan Julai ini rombongan penyakit untut dari empat buah daerah tersebut.

Beliau berkata orang2 yang mengidap penyakit untut itu ia-lah sa-ramai 50 orang di-Daerah Tutong, 33 orang di Belait, lapan di-daerah Brunei Muara dan enam orang di-Temburong.

Dr. Wu berkata memandang kanada bilangan orang2 yang mengidap penyakit itu nyata-lah bahawa penyakit untut lazim berdatang di-kawasan2 pantai.

Anggerek Desa akan punyai sa-buah sekolah yang moden

BANDAR BRUNEI.—Murid2 Sekolah Melayu Anggerek Desa Daerah Brunei Muara tidak lama lagi akan mempunyai sa-buah sekolah moden yang berharga kira2 \$982,798.

Pertunjokkan Pakaian anjoran Corona

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Corona Brunei akan mengadakan pertunjokkan pakaian pada 23 haribulan September ini.

Pertunjokkan itu akan di-adakan di-bangunan Residency atas kebenaran Ketua Surohanya Tinggi British. Pertunjokkan itu akan bermula pada jam 5.00 petang.

Persatuan itu menggundang semua ahli2 dan keluarga serta sahabat handai untuk menyaksikan pertunjokkan tersebut.

Bayaran masuk tidak dikenakan, tetapi dalam masa istirehat kutipan wang bagi Derma Kebajikan Gurkha akan di-jalankan.

Minuman sejok boleh di-dapati ketika pertunjokkan itu di-adakan.

Harga ini termasuk bagi harga membina sa-buah rumah guru besar serta lain2 perkakas.

Sekolah baru itu di-bina untuk menggantikan sekolah sementara sekarang yang telah di-dirikan dalam tahun 1963.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata sekolah baru itu akan dapat di-gunakan sa-belum bulan Disember tahun ini.

Sekolah itu di-bina di-satu kawasan sa-luas enam ekar dan berhampiran dengan sekolah sekarang. Sekolah baru itu mempunyai 18 buah bilek darjah, sa-buah dewan makan, dapur, bilek perubatan, dan gigi, bilek guru2 dan pejabat guru besar.

Lain2 kemudahan ia-lah padang untuk bermain dan sukan.

Sekolah tersebut ia-lah untuk murid2 persediaan di-kawasan itu. Mereka kemudian di-pindahkan ka-Sekolah Menengah Melayu Pertama Bandar Brunei bagi pelajaran peringkat kedua.

Sa-buah lagi sekolah Melayu persediaan di-Kampung Lambak juga hampir2 siap di-bina dan akan di-gunakan dalam bulan Januari tahun depan.

Penuntut Brunei lulus M.A. dari Universiti Al-Azhar

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penuntut Brunei, Awang Abdul Saman bin Kahar yang menuntut di-Universiti Al-Azhar, Kahirah telah tamat pengajian-nya di-universiti itu, dengan mendapat ijazah M.A.

Awang Abdul Saman adalah bekas penuntut Kolej Islam Malaya yang telah mendapat

biasiswa kerajaan. Beliau di-jadualkan balek ka-Brunei awal bulan Oktober ini.

Sementara itu, tiga orang lagi penuntut ugama Brunei, telah berlepas ka-Kahirah pada hari Ahad lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Al-Azhar atas biasiswa kerajaan Brunei.

Tarikh penutup perlumbaan jalan kaki anjorankan PESAKA di-lanjutkan

KERIAM. — Tarikh penutup untuk menyertai Lumba Jalan Kaki kali ka-enam, anjorankan Persatuan Melayu Keriam Tutong (PESAKA), telah di-lanjutkan kepada 15 September.

Setia Usaha perlumbaan, Awang Suhaili bin Orang Kaya Jaya Putra Haji Talib berkata, keputusan itu di-buat ia-lah untuk memberi peluang lebeh ramai lagi peserta menyertai perlumbaan tersebut.

Beliau menyeru orang ramai, di-seluruh negeri, supaya menyertai dalam perlumbaan itu dan menyampaikan borang2-nya seberapa segera.

Perlumbaan yang di-bahagikan kepada dua kumpulan itu — perseorangan dan pasukan akan di-adakan pada 9 Oktober mulai jam 7.00 pagi.

Kumpulan persaoorangan terbuka kepada orang2 dewasa berumur ka-atas 15 tahun dan belia2 berumur ka-bawah 15 tahun, sementara pasukan terbuka kepada sekolah; pertubohan2 belia dan kebajikan di-Daerah Tutong sahaja, dan tiap2 satu pasukan mengan-dongi enam orang.

Jarak bagi lelaki dewasa dan pasukan ia-lah 10 batu; budak lelaki 7 batu; wanita dewasa dan kanak2 sa-jauh 6 batu. Bayaran masuk bagi perseorangan \$1.00 dan pasukan \$6.00.

Borang2 boleh di-dapati dari Awang Aliddin Kura, Radio Brunei; Awang Musa Libut, Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong; Awang Mohd. Shah Abdul Rahman, Maktab Anthony Abell, Seria dan Awang Ahmad Hitam, Jabatan Bandaran Kuala Belait. Borang2 juga boleh di-dapati dari Setia Usaha, di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei.

Kenderaan akan di-sediakan bagi peserta2 yang akan mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Mereka ia-lah Awang Abu Bakar bin Tengah, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Lela Dato Paduka Haji Ismail dan Malai Ahmad Murad bin Syed Mashor.

Mereka ada-lah bekas penuntut Kolej Islam Petaling Jaya, Selangor.



679 orang di-berikan suntakkan menchegah ta'un

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Jabatan Kesihatan dan Perubatan, telah memberikan suntakkan, kerana menchegegah penyakit ta'un kepada 679 orang penduduk, yang tidak menerima sebarang suntakkan sa-lama enam bulan lalu, di-kawasan2 luar bandar Daerah Tutong, dalam gerakan-nya yang bermula pada 30 Julai lalu.

Sa-jumlah besar penduduk2 kampung juga telah menerima suntakkan dari rombongan perubatan yang menggunakan helikopter.

Rombongan perubatan itu juga telah selesai memberikan ubat Sabine bagi menchegegah penyakit Lumpoh dose yang kedua kepada kanak2 sekolah di-daerah itu. Mereka akan menerima dose ketiga, dan terakhir sa-belum akhir tahun ini.

Kempen yang di - jalankan sejak tahun lalu itu bertujuan untuk memberikan ubat yang chukop kepada kanak2 sekolah berumur di-bawah sembilan tahun di-seluruh negeri.

Sementara itu, Jabatan Kesihatan dan Perubatan di-Kuala Belait, telah merangka-kan satu ranchangan untuk memberikan ubat kepada kanak2, berumur ka-bawah sapuluh tahun di-dua puluh enam buah kampung di-Ulu Belait, mulai 1 September lepas bagi menchegegah penyakit diphtheria.

Gerakkan memberikan ubat itu di-jalankan berikutan terdapat-nya kejadian2 penyakit di-kalangan kanak2 di-kawasan2 luar bandar di-daerah itu. Sa-takat ini kira2 enam kejadian penyakit diphtheria telah di-beritakan dalam tahun ini.

Awang Abu Bakar bin Ahmad sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Abdul Ghafar bin Jumat pemenang ketiga dalam Sayembara Charpen yang di-anjurkan oleh Radio Brunei.

Upacara penyampaian hadiah itu telah berlangsung di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada 29 Ogos lepas ketika di-adakan Pertandingan Bintang Radio bagi peringkat Daerah Brunei-Muara.

Hadiah penghargaan di-menangi oleh Awang Salleh bin Abdul Latif dengan cherpen-nya yang bertajuk "Maruah" dan pemenang kedua ia-lah Awang Anuar bin Haji Abdul Rahman dengan tajuk cherpen-nya "Balek ka-Pangkat Jalan".

Peraduan membacha Koran Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan peraduan membacha kitab suci Al-Koran bagi kawasan Brunei/Muara.

Peraduan itu akan di-adakan pada hari Ahad, 28 September mulai jam 8.30 pagi di-Madrasah Bandar Brunei.

Sa-orang juruchapak peraduan itu berkata, tiap2 sa-orang peserta lelaki yang akan masuk bertanding hendak-lah berumur 16 tahun ka-atas dan bagi perempuan ia-lah 15 tahun ka-atas.

Mereka hendak-lah tinggal tidak kurang enam bulan di-tiap2 kawasan yang mereka masuk bertanding dan hendak-lah sa-orang ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan atau mereka yang berdaftar sa-baagi warga negara Brunei.

Borang2 memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha Peraduan, Awangku Rosman bin Pengiran Haji Tengah di-Pejabat Kadi Besar Bandar Brunei dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 16 September.

Pertunjokkan pertanian bagi peladang2 di-Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokkan Pertanian bagi peladang2 di-daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam Padang, di-Bandar Brunei pada 28 dan 29 haribulan September, 1969.

Pertunjokkan itu, anjuran Persatuan Peladang2 Daerah Brunei Muara dengan kerjasama pegawai2 Jabatan Pertanian ada-lah terbuka kepada ahli2 serta orang2 bukan ahli persatuan peladang di-daerah ini.

Pertunjokkan itu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menunjukkan hasil pertanian dan pertukangan tangan oleh ahli2 persatuan itu.

Bahagian kedua menunjokkan barang2 yang di-sertakan oleh peladang2 bukan ahli persatuan.

Barang2 yang akan di-pertunjokkan itu termasuk padi, sayor2an, buah2an dan lain2 bahan makanan, binatang2 ternakkan, tikan, bakul dan lain2 bentuk pertukangan tangan.

Orang ramai akan juga berpeluang menyaksikan di-pertunjokkan mengenai chara2 pertanian moden termasuk chara2 menggunakan jentera membajak dan lain2 alat perkakas bagi kegunaan pertanian.

Jawatankuasa pertunjokkan itu berkata peladang2 yang ingin menyertai pertunjokkan, ada-lah di-minta supaya menghantarkan barang2 mereka ka-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam pada hari Sabtu di-antara jam 7.30

dan 6.00 petang.

Semua sayor2an hendak-lah di-hantarkan ka-tempat pertunjokkan itu pada 28 September sa-belum jam 8.00 pagi.


Jawatankuasa itu berkata mereka yang memerlukan kenderaan untuk membawa barang2 mereka ka - sekolah tersebut mesti - lah berbuhong dengan Setia Usaha jawatankuasa melalui Jabatan Pertanian dengan menulis surat atau talipon. Nombor talipon ia-lah 3144.

Penulong Haiwan Kanan berkursus di-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. — Penulong Haiwan Kanan, Awang Ong Pang Ting telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada hari Jumaat lepas untuk menuntut di-Pusat Makmal Haiwan, Weybridge, Surrey salama tiga tahun.

Awang Ong akan menjalani kursus makmal perubatan bagi Sijil Sain Kebangsaan Biasa.

Beliau akan menjalani latihan pratikal di-Pusat Makmal Haiwan itu.



Sa-buah kapal penyapu periok api dari Angkatan Laut British 'HMS Kirkliston' telah melawat ka-Brunei sa-lama tiga hari pada minggu lalu. Ketika berada di-sini kapal tersebut telah di-buka kepada orang ramai sa-lama dua hari.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari pelawat2 itu ketika melawat kapal tersebut.



679 orang di-berikan suntekkan menchegah ta'un

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Jabatan Kesihatan dan Perubatan, telah memberikan suntekkan, kerana menchegeh penyakit ta'un kepada 679 orang penduduk, yang tidak menerima sebarang suntekkan sa-lama enam bulan lalu, di-kawasan2 luar bandar Daerah Tutong, dalam gerakan-nya yang bermula pada 30 Julai lalu.

Sa-jumlah besar penduduk2 kampung juga telah menerima suntekkan dari rombongan perubatan yang menggunakan helikopter.

Rombongan perubatan itu juga telah selesai memberikan ubat Sabine bagi menchegeh penyakit Lumpoh dose yang kedua kepada kanak2 sekolah di-daerah itu. Mereka akan menerima dose ketiga, dan terakhir sa-belum akhir tahun ini.

Kempen yang di - jalankan sejak tahun lalu itu bertujuan untuk memberikan ubat yang chukop kepada kanak2 sekolah berumur di-bawah sembi-lan tahun di-seluruh negeri.

Sementara itu, Jabatan Kesihatan dan Perubatan di-Kuala Belait, telah merangka-kan satu ranchangan untuk memberikan ubat kepada kanak2, berumur ka-bawah sapuluh tahun di-dua puluh enam buah kampung di-Ulu Belait, mulai 1 September lepas bagi menchegeh penyakit diphtheria.

Gerakkan memberikan ubat itu di-jalankan berikutan terdapat-nya kejadian2 penyakit di-kalangan kanak2 di-kawasan2 luar bandar di-daerah itu. Sa-takat ini kira2 enam kejadian penyakit diphtheria telah di-beritakan dalam tahun ini.

Awang Abu Bakar bin Ahmad sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Abdul Ghafar bin Jumat pemenang ketiga dalam Sayembara Charpen yang di-anjorkan oleh Radio Brunei.

Upacara penyampaian hadiah itu telah berlangsung di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada 29 Ogos lepas ketika di-adakan Pertandingan Bintang Radio bagi peringkat Daerah Brunei-Muara.

Hadiah penghargaan di-menangi oleh Awang Salleh bin Abdul Latif dengan cherpen-nya yang bertajok "Maruah" dan pemenang kedua ia-lah Awang Anuar bin Haji Abdul Rahman dengan tajok cherpen-nya "Balek ka-Pangkat Jalan".

Peraduan membacha Koran Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan peraduan membacha kitab suchi Al-Koran bagi kawasan Brunei/Muara.

Peraduan itu akan di-adakan pada hari Ahad, 28 September mulai jam 8.30 pagi di-Madrasah Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap peraduan itu berkata, tiap2 sa-orang peserta lelaki yang akan masok bertanding hendak-lah berumur 16 tahun ka-atas dan bagi perempuan ia-lah 15 tahun ka-atas.

Mereka hendak-lah tinggal tidak kurang enam bulan di-tiap2 kawasan yang mereka masok bertanding dan hendak-lah sa-orang ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan atau mereka yang berdaftar sa-baagi warga negara Brunei.

Borang2 memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha Peraduan, Awangku Rosman bin Pengiran Haji Tengah di-Pejabat Kadi Besar Bandar Brunei dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 16 September.

Pertunjokkan pertanian bagi peladang2 di-Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokkan Pertanian bagi peladang2 di-daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam Padang, di-Bandar Brunei pada 28 dan 29 hariabul September, 1969.

Pertunjokkan itu, anjuran Per-satuan Peladang2 Daerah Brunei Muara dengan kerjasama pegawai2 Jabatan Pertanian ada-lah terbuka kepada ahli2 serta orang2 bukan ahli persatuan peladang di-daerah ini.

Pertunjokkan itu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menunjokkan hasil pertanian dan pertukangan tangan oleh ahli2 persatuan itu.

Bahagian kedua menunjokkan barang2 yang di-sertakan oleh peladang2 bukan ahli persatuan.

Barang2 yang akan di-pertunjokkan itu termasuk padi, sayor2an, buah2an dan lain2 bahan makanan, binatang2 ternakkan, tikar, bakul dan lain2 bentuk pertukangan tangan.

Orang ramai akan juga berpeluang menyaksikan di-pertunjokkan mengenai chara2 pertanian moden termasuk chara2 menggunakan jentera membajak dan lain2 alat perkakas bagi kegunaan pertanian.

Jawatankuasa pertunjokkan itu berkata peladang2 yang ingin menyertai pertunjokkan, ada-lah di-minta supaya menghantarkan barang2 mereka ka-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam pada hari Sabtu di-antara jam 7.30

dan 6.00 petang.

Semua sayor2an hendak-lah di-hantarkan ka-tempat pertunjokkan itu pada 28 September sa-belum jam 8.00 pagi.


Jawatankuasa itu berkata mereka yang memerlukan kenderaan untuk membawa barang2 mereka ka - sekolah tersebut mesti - lah berhubung dengan Setia Usaha jawatankuasa melalui Jabatan Pertanian dengan menulis surat atau talipon. Nombor talipon ia-lah 3144.

Penulong Haiwan Kanan berkursus di-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. — Penulong Haiwan Kanan, Awang Ong Pang Ting telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada hari Jumaat lepas untuk menuntut di-Pusat Makmal Haiwan, Weybridge, Surrey sa-lama tiga tahun.

Awang Ong akan menjalani satu kursus makmal perubatan bagi Sijil Sain Kebangsaan Biasa.

Beliau akan menjalani latihan pratikal di-Pusat Makmal Haiwan itu.



Sa-buah kapal penyapu periok api dari Angkatan Laut British 'HMS Kirkliston' telah melawat ka-Brunei sa-lama tiga hari pada minggu lalu. Ketika berada di-sini kapal tersebut telah di-buka kepada orang ramai sa-lama dua hari.

Gambar atas menunjokkan sa-bahagian dari pelawat2 itu ketika melawat kapal tersebut.



Gambar menunjukkan pasukan terek tali Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah menyandang johan terek tali perengkat seluruh negeri yang telah diadakan di-Padang Besar Bandar Brunei baru2 ini.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Mandor di-Jabatan Pertanian

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dan menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Mandor di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 30 tahun.
- Hendak - lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu.
- Pemohon2 mesti-lah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya selama lima tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki meng-

hantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti dipenohkan di - atas borang2

yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 September, 1969.

Sa-bagai Atendan Rumah Sakit

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada ra'ayat D.Y.M.M Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Atendan Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti - lah lulus sekurang2 - nya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Chalun2 yang terpilih akan di-tempatkan di-

Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat dan di - Klinik2 Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji: Dalam sukatan Gaji F. 2-3-4 EB 5 — \$180 x 5 — 240/EB/250 x 10-270.

Pemohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak - lah di - kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 September, 1969.

Pameran hasil kerja tangan

Kelas Dewasa

BANDAR BRUNEL. — Kelas urusan rumah tangga pelajaran dewasa Daerah Brunei Muara akan mengadakan pameran hasil kerja tangan dan masak2an di - Bandar Brunei pada 26 dan 27 September.


Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata pameran tersebut hanya terbuka kepada penuntut2 urusan rumah tangga kelas dewasa bagi Daerah Brunei Muara.

Peserta2 boleh menunjukkan seberapa banyak jenis yang mereka mahu.

Pameran itu di - bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu sulam menyulam, gubahan bunga dan masak2kan.

Semua jenis barang2 yang akan di-pamerkan hendak-lah di-hantarkan ka-dewan Sekolah Melayu SMJA Pusu Ulak pada 26 September sa-belum jam 12.00 tengah hari.

Pameran yang berlangsung sa-lama dua hari itu akan diadakan di-Dewan Sekolah Melayu SMJA, Pusu Ulak.





Tapak landasan Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei di-Berakas di-amal dari udara.

Pertandingan

Talentine 1969 dapat sambutan

BANDAR BRUNEI. — Sambutan dari peserta2 yang akan mengambil bahagian dalam pertandingan Talentine Radio Brunei 1969 ada-lah memuaskan.

Penerbit Pertandingan itu, Awang Andrew Phan mengingatkan bahawa mereka yang ingin mengambil bahagian maseh ada empat hari lagi untuk menghantarkan borang2 penyertaan mereka.

Pertandingan itu terbahagi kepada tiga bahagian — ia-itu nyanyian perseorangan, bagi lelaki dan wanita, dan nyanyian kumpulan.

Peserta yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan itu, mesti-lah sa-orang warga negara, atau pun telah berada di-Brunei, tidak kurang dari enam bulan, dari tarikh pertandingan itu.

Peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu di-kehendaki mengirimi gambar-nya sendiri atau kumpulan dan semua borang masuk hendak-lah di-hantarkan dengan surat berdaftar.

Borang masuk maseh boleh di-dapati dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Semua borang2 masuk hendak-lah di-alamatkan kepada Awang Andrew Phan, Penerbit Talentine 1969, Radio Brunei.

Pertandingan peringkat pemilihan, akan di-adakan seminggu sa-lepas tarikh bagi menyertai pertandingan itu ditutup pada 14 September, ini.

Pokok2 yang di-tanam di-bawah Sistem Taungya dalam keadaan baik

BANDAR BRUNEI. — Pemelihara Hutan, Awang I. P. Tamworth berkata, beneh2 pohon pine yang di-tanam oleh Pejabat Kehutanan di-bawah sistem Taungya di-negeri ini, terutama-nya di-kawasan Sukang, Ulu Belait ada-lah baik dan memuaskan.

Sistem Taungya, ia-itu chara penanaman sa-mula pohon tersebut telah di-kenalkan b. hru2 ini untuk menggubah chara tanaman berpindah2 yang merosakkan itu.

Dari sejak itu 7,000 beneh pohon jenis Pinus Caribea telah di-tanam di-beberapa kawasan di-negeri ini.

Di-bawah sistem Taungya penanam2 pohon tersebut akan menerima bayaran kerana menanam di-kawasan2 dimana mereka menebang lain2 pohon dan membakar belukar kerana tanaman itu.

Mereka di-perlukan memelihara anak2 pohon itu hingga-ya chukop besar dan kuat dari lain2 tanaman, dan mereka juga terus menerima bayaran sa-lama dua tahun berikutnya, kerana kerja2 itu.

Awang Tamworth berkata, dengan menggunakan penanaman2 itu Pejabat Kehutanan sa-rentak dengan itu melateh mereka untuk meninggalkan usaha tanaman berpindah2 yang merosakkan itu.

Ada-lah di-jangkakan dalam masa 15 atau 20 tahun, pohon2 pine itu akan menjadi chukop besar untuk di-tebang dan di-usahakan untuk membuat kertas.

Kawat2 talipon akan bertambah menjelang awal tahun 1970

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Talikom sedang menjalankan ranchangan 'Duct' untuk membekalkan kawasan Bandar Brunei dengan banyak lagi kawat2 talipon.

Ranchangan ini di-mulakan dalam bulan April tahun ini dan perbelanjaan bagi membeli kebal dan pain jenis PVC di-anggarkan kira2 \$900,000.

Ini ada-lah buat pertama kali-nya ranchangan sa-perti itu di-adakan di-negeri ini meliputi kawasan bandar Brunei hingga ka-kawasan2 sa-juah batu satu Jalan Tutong dan ka-simpang Jalan Gadong.

Pembinaan lapangan terbang berjalan dengan lancar

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 pembinaan lapangan terbang baru antara bangsa Brunei di-Berakas sedang berjalan lancar menurut ranchangan.

Sa-orang juruchakap Shari-kat2 Scott, Wilson dan Pakan2 yang meranchang dan mengawas kerja2 pembinaan nya bagi pehak kerajaan berkata, kerja membersehhkan kawasan yang terlibat hampir2 siap dan penggalian tanah di-kawasan paya telah di-mulakan.

Pada masa ini, sharikat pemborong Kejuruteraan Awam Costain Berhad menjalankan kerja siang dan malam, bagi menentukan kerja2 berjalan lancar menurut yang di-jadualkan.

Kata-nya, dua lagi kontrak tambahan akan di-keluarkan tidak lama lagi, satu meliputi kerja2 di-halaman lapangan terbang dan yang bengahamiran ka-landasan.

Sementara kontrak kedua akan menjalankan kerja2 ber- dengan pembantuan penerbangan, termasuk satu sistem alat pendarat dan panduan radio.

Jumlah perbelanjaan seluruh projek tersebut termasuk pembelian tanah, kerja2 perumahan dan lain2-nya di-anggarkan berjumlah \$50.9 juta. Jumlah ini termasuk \$5 juta pembinaan bangunan lapangan terbang.

Bagaimana pun juruchakap itu berkata, kerja2 memasang kebal melalui paip2 serta serta menyambong-nya akan selesai kira2 dalam bulan Januari 1970.

Juruchakap itu berkata apabila ranchangan itu selesai ia-nya akan dapat membekalkan 4,800 kebal yang berjumlah 33½ batu telah di-pasang di-kawasan yang tertentu.

Juruchakap itu berkata, kebal2 tersebut boleh di-gunakan sa-lama 10 hingga 15 tahun dan duct dan paip2 itu sa-lama lebih dari 20 tahun memandangkan kepada kadar kemajuan sekarang.

PEMANDU2 DI-INGATKAN BERHATI2

(Dari Muka 1)

Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain dalam ucapan beliau antara lain telah menasihatkan pemandu2 kereta dan motosikal supaya pemandu kenderaan mereka dengan

sa-bepa chermat kerana pada masa ini ramai pelumba2 giat berlatah di-jalan2 raya untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal anjoran Majlis Belia2 Brunei yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Selesai saja pembukaan itu, ahli2 persatuan tersebut pun mengadakan persidangan-nya.